

Muhamad Anas Tokoh Siswa UniSZA

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina.z@bh.com.my

■ Kuala Terengganu



Bekas Presiden Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2014/2015, Muhamad Anas Misbahudin dinobatkan sebagai penerima Anugerah Utama Tokoh Siswa pada Malam Anugerah Kepimpinan Siswa 2015 Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Sebagai penerima anugerah utama, pelajar Fakulti Informatik dan Komputeran itu membawa pulang wang tunai RM1,000 beserta trofi dan sijil.

Muhamad Anas turut menerima Anugerah Pemimpin Program Kepemimpinan Terbaik dengan hadiah wang tunai RM500, trofi dan sijil.

Ketika ditemui, Muhamad Anas yang juga mantan Pengerusi Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan, melahirkan rasa syukur dan gembira atas anugerah berkenaan.

"Saya tidak menyangka diangkat sebagai penerima anugerah utama kerana saingan sengit daripada rakan-rakan lain yang masing-masing memiliki kelebihan tersendiri.

"Anugerah ini akan dijadikan

penguat semangat dan motivasi kepadanya untuk terus cemerlang sekaligus mencari lebih banyak peluang mengharumkan nama universiti," katanya selepas majlis penyampaian anugerah.

18 anugerah

Anugerah utama disampaikan Lembaga Pengarah Universiti, Mohammad Sahar Mat Din.

Yang turut hadir ialah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Nik Wan Omar dan Bendahari, Prof Madya Ariza Ibrahim.

Selain anugerah utama, sebanyak 18 anugerah lain turut disampaikan antaranya Anugerah Khas Sukan, Anugerah Khas Badan Beruniform, Anugerah Khas Sukarelawan, Anugerah Khas Kebudayaan dan Anugerah Khas Keusahawanan.

Dalam ucapan perasmianya sebelum itu, Mohammad Sahar, berkata Malam Anugerah Kepimpinan Siswa yang masuk kali ketiga penganjurannya bertujuan

Muhamad Anas bersama-sama hadiah yang dimenangi.

memberi pengiktirafan kepada pemimpin muda bergiat aktif dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti mahasiswa.

Beliau berkata, anugerah itu diharapkan memberi perangsang

kepada mahasiswa untuk menonjolkan bakat kepemimpinan serta sentiasa meningkatkan kemahiran dalam usaha menjadi pemimpin berkaliber pada masa hadapan," katanya.



Mohammad Sahar (kanan) menyampaikan Anugerah Utama Tokoh Siswa UniSZA kepada Muhamad Anas.

PROGRAM IPT

Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM)

Acara: Pelancaran

Buku & Seminar

'Contemporary

Malaysian Indians'

Tarikh: 15 Januari 2016

Tempat: Bilik Senat, UKM

Maklumat lanjut:

Suhana Bahtiar

03-8921 4641

@ e-mel: suhana.bahtiar

@yahoo.com

Universiti Malaysia

Perlis (UniMAP)

Acara: Ekspo Reka Cipta

dan Pameran

Penyelidikan UniMAP

(EREKA)

Tarikh: 27 Januari 2016

Tempat: Dewan Ilmu,

Kampus Pauh Putra

Maklumat lanjut:

Nor Azharyah

Abdullah 04-979 7771/

8784 atau

e-mel: azharyah@

unimap.edu.my

Universiti Teknologi

Malaysia (UTM)

Acara: Majlis Amanat

Tahun Baharu 2016

Tarikh: 11 Januari 2016

Tempat: Dewan Sultan

Iskandar, UTM Johor

Bahru dan Dewan

Utama UTM

Kuala Lumpur

Universiti Sains Islam

Malaysia (USIM)

Acara: Majlis Pelancaran

Graduate School

Of Muamalat (GSM)

Tarikh: 17 Februari 2016

Tempat: Dewan

Kuliah Fakulti 1.1,

Fakulti Ekonomi dan

Muamalat USIM